

**Tengku Adnan Nasihat Penganjur Batal Hasrat Adakan Perhimpunan Di Padang Merbok**  
**Bernama**  
**8 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Mansor menasihatkan penganjur perhimpunan di Padang Merbok pada 15 Jun ini agar membatalkan hasrat itu kerana kawasan berkenaan bukanlah lokasi yang sesuai untuk berbuat demikian.

Menyifatkan ia terlalu terbuka dan boleh mengundang kesesakan, beliau menasihatkan agar kawasan lain dipilih jika mereka berhasrat meneruskan perhimpunan berkenaan.

"Pada saya, Padang Merbok terbuka dan kita tidak boleh beri kepada mereka (untuk melakukan perhimpunan). Kita ada undang-undang, bukannya tiada. Jadi, mereka perlu akur akan undang-undang itu dengan memilih tempat lain.

"Kalau nak Stadium Merdeka contohnya, cakap sahaja dengan tuan punya, begitu juga Stadium Bukit Jalil," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Bersama Pelanggan Kementerian Wilayah Persekutuan bersama Agensi hari ini.

Beliau mengulas penganjuran perhimpunan 'Black 505' oleh pembangkang pada 15 Jun ini di Padang Merbok, yang terletak di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=954867>